

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Horizon)

Hari/Tarikh: 24/4/2016

Muka surat: A1

Tajuk : UNIMAS bakal miliki Pusat Jagaan Asas dan Jagaan Harian pada 2020

UNIMAS bakal miliki Pusat Jagaan Asas dan Jagaan Harian pada 2020

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (UNIMAS) bakal mempunyai Pusat Jagaan Asas dan Jagaan Harian tersendiri di kampusnya pada tahun 2020.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Profesor Dr Ahmad Hata Rasit berkata, projek pembinaan pusat berkenaan telah diluluskan dan projek pembinaan dijangka bermula pada tahun hadapan.

Menurutnya, projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan RMK-11 itu menelan kos RM80 juta dengan dijangka mengambil masa dua tahun disiapkan sepenuhnya.

"Pusat jagaan asas dan jagaan harian ini sebenarnya khidmat yang diberikan UNIMAS kepada orang awam selain menjadi tempat latihan kepada pascasiswazah untuk menjadi pakar kemudian nanti."

"Pusat ini merupakan sebuah pusat bagi klinikal dan tidak ada wad pesakit selain itu ia beroperasi mengikut waktu pejabat," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis menandatangani Memorandum Perjanjian



bedah selain pusat jagaan harian dan lokasi pembinaan pusat jagaan terbabit dibina di dalam kampus induk UNIMAS sendiri.

Sementara itu Kadim berkata, penubuhan pusat berkenaan akan menjadi pelengkap kepada UNIMAS melahirkan lebih ramai graduan pakar seperti doktor dan jururawatnya.

"Pusat ini menjadi sebahagian daripada Hospital Pengajaran yang kita mohon sebelum ini walaupun hospital berkenaan belum lagi menerima pengumuman kelulusan mengenainya.

"Namun dengan kelulusan daripada kerajaan membina pusat ini ia adalah petanda baik daripada kerajaan membina hospital pengajaran," tegasnya.

Jelas beliau hospital berkenaan diharap dapat direalisasikan bagi memenuhi keperluan penduduk khasnya daerah Samarahan dan Serian, yang mana hospital sedia ada tidak mencukupi.

Kadim berkata, dengan adanya hospital pengajaran ia mampu memuatkan 300 buah katil kepada pesakit.

(MoA) UNIMAS bersama Eye Specialist Centre (ESC) Kuching di UNIMAS, baru-baru ini.

MoA berkenaan ditandatangani Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Kadim Suaidi dan Pengarah Perubatan Eye Specialist Centre (Kuching) Sdn Bhd, Dr Dennis Kong yang disaksikan Menteri Muda Belia (Bandar) Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah.

Menurut Hata, pusat itu akan memberi khidmat kepada populasi di Kota Samarahan apabila beroperasi nanti dan ia menjadi pusat latihan terbaik kepada pascasiswazahnya sendiri.

Katanya pusat jagaan berkenaan mampu memuatkan tiga bilik